

## **BAB KEENAM**

### **PERBANDINGAN STRUKTUR ASAS AYAT BAHASA ARAB- MELAYU**

#### **6.0 Pendahuluan**

Di dalam bab ini, penulis akan membuat perbandingan di antara bahasa Arab dan juga bahasa Melayu dari sudut persamaan dan juga perbezaan. Ini adalah rentetan dari hasil penghuraian yang dibuat oleh pengkaji berkaitan struktur binaan ayat bagi kedua-dua bahasa tersebut. Ia merupakan satu bab yang penting dalam membuat suatu kajian kontrastif.

Setelah telahan dibuat, bab ini akan merangkumi beberapa perkara penting. Antaranya adalah menghuraikan sebarang persamaan yang terdapat di antara bahasa Arab dan juga bahasa Melayu berdasarkan huraian di dalam bab yang lalu. Ia juga adalah berkaitan perbezaan yang wujud di antara kedua-dua bahasa tersebut yang akan dihuraikan dan dibahaskan berdasarkan aspek-aspek tertentu berserta contoh yang jelas.

#### **6.1 Aspek-aspek Kajian Kontrastif**

Sebagaimana yang telah diterangkan dan dihuraikan di dalam bab yang lalu, di sana telah diterangkan ciri-ciri yang terdapat di dalam bahasa Arab dan juga bahasa Melayu. Di dalam kajian ini, penulis akan merungkai sebarang persamaan di antara kedua-dua bahasa tersebut dan disertakan perbezaannya sekali.

Aspek-aspek yang dikaji adalah berkaitan perkara berikut :

### 6.1.1 Aspek Kriteria Dan Ciri

Di dalam aspek ini, penekanan dilakukan mengenai definisi bagi Subjek dan Predikat dari kedua-dua bahasa tersebut agar perbincangan dan kajian menjadi lebih jelas dan mudah difahami.

Sebagaimana yang diterang di dalam bab sebelum ini, Subjek dari pandangan Za'ba (1965) ialah “benda”, iaitu “tentang apa yang diperkatakan”. Manakala di dalam Tatabahasa Dewan (1993) mendefinisikan subjek sebagai konstituen dalam ayat yang terdiri daripada frasa nama yang menjadi judul (fokus) atau unsur yang diterangkan. Ini bermakna subjek adalah bahagian yang diterangkan dan merupakan isi pembicaraan.

Manakala predikat pula bahagian yang memperkatakan sesuatu tentang benda yang dinamai subjek (Lyons, 1993;12). Menurut Za'ba (1965) pula, predikat adalah cerita iaitu fikiran yang khusus menyatakan sesuatu tentang subjek. Oleh sebab itu, predikat sering berada selepas subjek kerana menjadi bahagian yang menerangkan subjek (Nik Safiah et al., 1993).

Contohnya, “Ali pensyarah”; maka Ali adalah subjek dan yang menjadi bahagian yang diterangkan, manakala pensyarah pula adalah predikat sebagai bahagian yang menerangkan subjek.

Manakala di dalam bahasa Arab pula subjek dikenali sebagai mubtada' (المُبْتَدَأُ) dan khabar (الخَبَرُ) iaitu predikat. Dari sudut definisi, mubtada' ialah isim marfu' (اسْمٌ مَرْفُوعٌ) yang bebas dari amil lafaz, sedangkan khabar ialah isim marfu' yang dimusnadkan atau disandarkan kepada mubtada'.

Sebagai contoh : زَيْدٌ نَاجِحٌ, maka perkataan ( زَيْدٌ ) adalah mubtada' atau subjek dan dikenali sebagai Musnad ilaih ( مُسْنَدٌ إِلَيْهِ ), iaitu objek yang diterangkan, manakala perkataan ( نَاجِحٌ ) pula adalah khabar atau predikat dan dikenali sebagai al-Musnad ( الْمُسْنَدُ ), iaitu bahagian yang menerangkan tentang subjek.

Dari penjelasan definisi di atas, kita dapati bahawa antara kedua-duanya mempunyai persamaan dari tugas dan fungsi kedudukan setiap subjek dan predikat atau dikenali juga dengan mubtada' (musnad ilaih) dan khabar (musnad). Maka subjek dan mubtada' itu adalah objek yang diceritakan, manakala predikat dan khabar itu pula adalah cerita yang menerangkan sesuatu objek itu dengan sempurna.

Dari kriteria Penggolongan Kata antara kedua-dua bahasa tersebut, terdapat perbezaan yang nyata. Begitu juga dari sudut bilangan penjenisan Ayat dan juga dari aspek atau sudut kewujudan jenis-jenis predikat.

Aspek Penggolongan Kata di dalam bahasa Arab, terdapat 3 penggolongan yang wujud iaitu Kata Nama (الاسْمُ), Kata Kerja (الْفِعْلُ) dan juga Kata Sendi/Partikel (الْحَرْفُ). Kata Adjektif (الصِّفَةُ/التَّعْتُّ) termasuk di dalam golongan Kata Nama.

Ini berbeza dengan penggolongan kata di dalam bahasa Melayu. Terdapat 4 penggolongan iaitu Kata Nama, Kata Kerja, Kata Adjektif dan Kata Tugas.

Penggolongan Kata	
Bahasa Arab	Bahasa Melayu
1- Kata Nama ( الاسم ), Kata Adjektif ( الصِّفَةُ/النَّعْتُ ) termasuk dalam Kata Nama	1- Kata Nama (Khas, Am dan Ganti Nama)
2- Kata Kerja ( الفِعْلُ ) dan ( الفِعْلُ اللَّازِمُ ) ( المتعدي )	2- Kata Kerja (Transitif dan tak Transif)
3- Kata Tugas/Partikal ( الحَرْفُ )	3- Kata Adjektif
	4- Kata Tugas

Manakala dari aspek bilangan jenis ayat pula, bahasa Arab terkandung di dalamnya 2 jenis ayat, iaitu al-Jumlat al-Ismiyyat (الجملة الاسمية)/Ayat Namaan (dimulai dengan Kata Nama) dan juga al-Jumlat al-Fi'liyyat (الجملة الفعلية)/Ayat Kerjaan (dimulai dengan Kata Kerja).

Di dalam bahasa Melayu pula hanya terdiri dari Ayat Namaan sahaja. Namun keduanya terbentuk dari gabungan subjek dan predikat atau al-Mubtada dan al-Khabar.

Jenis Ayat	
Bahasa Arab	Bahasa Melayu
1- Al-Jumlat al-Ismi:yyat ( الجُمْلَةُ الاسْمِيَّةُ )/Ayat Namaan  Contoh : <u>المُعَلِّمُ قَوِيٌّ</u>	1- Ayat Namaan  Contoh : Ali guru
2- Al-Jumlat al-Fi'li:yyat ( الجُمْلَةُ الفِعْلِيَّةُ )/Ayat  Kerjaan  Contoh : <u>نَامَ الطِّفْلُ</u>	

Di dalam contoh di atas, perkataan (المُعَلِّمُ) dan Ali adalah kata nama yang terletak di awal ayat dan dinamakan sebagai subjek atau al-Mubtada'. Manakala perkataan selepasnya pula (قَوِيٌّ) dan guru dinamakan predikat atau khabar yang berfungsi sebagai pelengkap dan penerang kepada objek sebelumnya.

Ayat Kerjaan pula hanya berlaku di dalam bahasa Arab sahaja, maka kata kerja tersebut dikenali sebagai musnad ilaih (المُسْنَدُ إِلَيْهِ) dan kata nama selepasnya adalah musnad (المُسْنَدُ). Bentuk-bentuk binaan Ayat Kerjaan ini telah dibincangkan di dalam bab sebelum ini.

### 6.1.2 Aspek Binaan Subjek

Di dalam aspek ini, perkara yang akan dibincangkan adalah berkaitan ciri-ciri binaan subjek yang boleh berfungsi sebagai subjek atau benda kepada predikat atau cerita. Terdapat persamaan dan perbezaan di dalam pembinaan subjek antara kedua-dua bahasa tersebut.

Antara persamaan yang berlaku di dalam binaan subjek di dalam kedua-dua bahasa adalah terbina dari unsur-unsur berikut :

- i- Kata Nama Am
- ii- Kata Nama Khas
- iii- Kata Nama Terbitan
- iv- Kata Ganti Nama
- v- Kata Ganti Tunjuk
- vi- Masdar Muawwal
- vii- Kata Adjektif

Berikut adalah contoh bagi setiap ciri tersebut :

Binaan Subjek (persamaan)	
Bahasa Arab	Bahasa Melayu
1- Al-Nakirat (النَّكِرَةُ)/Kata Nama Am	1- Kata Nama Am  Contoh : Guru baik.

<p>Contoh : رَجُلٌ كَرِيمٌ عِنْدِي</p>	
<p>2- Al-Ma'rifat/Nakirat Mufi:dat (مُفِيدَةٌ/مَعْرِفَةٌ/نَكْرَةٌ)/Kata Nama Khas  Contoh : إِبْرَاهِيمُ خَلِيلُ اللَّهِ / ثَوْبٌ مُعَلِّمٌ  طَاهِرٌ</p>	<p>2- Kata Nama Khas  Contoh : Desember adalah musim cuti.</p>
<p>3- Al-Musyattaq:t (المُسْتَقَاتُ)/Kata Nama Terbitan  Terbitan  Contoh : الْمِفْتَاحُ فِي الْجَيْبِ</p>	<p>3- Kata Nama Terbitan  Contoh : Petani itu menyemai padi.</p>
<p>4- Al-Dhami:r ( الضَّمِيرُ /Kata Ganti Nama  Nama  Contoh : أَنَا مُعَلِّمٌ</p>	<p>4- Kata Ganti Nama  Contoh : Dia seorang guru.</p>
<p>5- Al-Isya:rat ( الإِشَارَةُ )/Kata Ganti Tunjuk  Tunjuk  Contoh : هَذَا رَجُلٌ</p>	<p>5- Kata Ganti Tunjuk  Contoh : Itu rumah saya.</p>
<p>6- Al-Masdar al-Muawwal ( الْمَصْدَرُ الْمُؤَوَّلُ )</p>	<p>6- Kata Nama dalam bentuk kata kerja  Contoh : Sedekahmu amalan mulia.</p>

<p>Contoh : <u>أَنْ تَصُومَ خَيْرٌ لَكَ</u> - <u>صَوْمُكَ خَيْرٌ</u> :</p> <p>لَكَ</p>	
<p>7- Al-Sifat (الصِّفَةُ)/Kata Adjektif</p> <p>Contoh : <u>طُولُهُ</u> مِثْلُ الْقِطَارِ</p>	<p>7- Kata Adjektif</p> <p>Contoh : Panjangnya seperti kereta api itu.</p>

Berdasarkan contoh-contoh di atas, dapat dijelaskan di sini bahawa struktur binaan subjek di antara bahasa Arab dan bahasa Melayu memang terdapat persamaannya.

Namun begitu terdapat juga kelainan dan perbezaan di antara kedua-duanya di dalam struktur pembinaan subjek.

Antaranya perbezaan yang wujud adalah seperti berikut :

- i- Al-Istifha:m/Kata Tanya (الاسْتِفْهَامُ)
- ii- Al-Mawsu:l (المَوْصُولُ)

Kedua-dua unsur di atas tidak terdapat di dalam bahasa Melayu sebagai subjek. Ini adalah kerana kedua-dua unsur tersebut terletak di bawah fungsi Kata Tugas yang hadir dalam ayat, klausa atau frasa untuk mendukung sesuatu tugas sintaksis tertentu, sama ada sebagai penghubung, pembantu, penegas, penentu, pendapan, pembantu atau tugas-tugas lain.

Al-istifha:m tergolong dalam Kata Praklausa iaitu sejumlah perkataan yang terletak di hadapan klausa, dan juga kata hubung pancangan relatif (al-mawsu:l) iaitu menghubungkan antara klausa utama dengan klausa kecil yang lain.



Adapun di dalam bahasa Arab, kedua-dua unsur di atas boleh dijadikan subjek atau muftada'. Kata Tanya atau al-istifha:m dan al-mawsu:l masih tergolong di dalam Kata Nama dari penggolongan kata yang diterangkan sebelum ini.

Berikut adalah perbezaan yang berlaku bersama contoh-contohnya.

Binaan Subjek Frasa Nama (perbezaan)	
Bahasa Arab	Bahasa Melayu
<p>1- Al-Istifha:m (الاسْتِفْهَام)/Kata Tanya</p> <p>Contoh : مَنْ فَازَ فِي السَّبَاقِ؟</p>	<p>1- Kata Tanya – tidak berfungsi sebagai subjek tetapi sebagai kata tugas.</p> <p>Contoh : Siapakah yang datang semalam?</p>
<p>2- Al-Mawsu:l(المَوْصُولُ)/Kata Penyambung</p> <p>Contoh :</p> <p>الَّذِي يُوسُوسُ فِي صُدُورِ النَّاسِ</p>	<p>2- Kata Penyambung Ayat – juga tidak berfungsi sebagai subjek dan ia adalah kata hubung pancangan relatif.</p> <p>Contoh : Ali seorang guru yang berdedikasi.</p>

### 6.1.3 Aspek Binaan Predikat

Di dalam aspek ini, perkara yang akan dibincangkan adalah berkaitan ciri-ciri binaan predikat yang berfungsi sebagai cerita kepada subjek atau benda. Terdapat persamaan dan perbezaan di dalam pembinaan predikat ini antara kedua-dua bahasa tersebut.

Di antara persamaan yang berlaku di dalam binaan predikat di dalam kedua-dua bahasa tersebut ialah :

### 6.1.3.1 Frasa Nama sebagai predikat

Di dalam Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga menyebutkan bahawa Frasa Nama adalah binaan yang dari sudut nahunya boleh terdiri daripada satu perkataan atau beberapa perkataan yang boleh berfungsi sebagai satu konstituen dalam binaan ayat.

Frasa Nama di dalam bahasa Melayu dikenali juga dengan predikat atau khabar jenis mufrad (الْخَبْرُ الْمُفْرَدُ) di dalam bahasa Arab. Berikut adalah frasa-frasa yang boleh berfungsi sebagai predikat di dalam sesuatu ayat berserta contohnya;

Binaan Predikat Frasa Nama(persamaan)	
Bahasa Arab	Bahasa Melayu
1- Al-Nakirat (التَّكْرِيهُ) /Kata nama am  Contoh : الرَّجُلُ مُعَلِّمٌ	1- Kata nama am  Contoh : Pemuda itu guru.
2- Al-Ma'rifat (المَعْرِفَةُ) /Kata nama khas  Contoh : الْمُهَنْدِسُ بَدْرُ الدِّينِ	2- Kata nama khas  Contoh : Encik Ali guru sekolah.

<p>3- Al-Musytaqqa:t (المُسْتَقَاتُ)/Kata nama terbitan</p> <p>Contoh : <u>الدِّينُ مِفْتَاحُ السَّعَادَةِ</u></p>	<p>3- Kata nama terbitan</p> <p>Contoh : Bangunan itu binaan baru.</p>
<p>4- Ism al-Fa:'il (اسْمُ الْفَاعِلِ)/Kata nama pelaku</p> <p>Contoh : <u>إِبْرَاهِيمُ عَالِمٌ</u></p>	<p>4- Kata nama pelaku</p> <p>Contoh : Salim adalah pemberita.</p>
<p>5- Ism al-Maf'u:l (اسْمُ الْمَفْعُولِ)/Kata nama objek</p> <p>Contoh : <u>التَّجَاحُ مَطْلُوبٌ</u></p>	<p>5- Kata nama objek</p> <p>Contoh : Kejayaan itu diharapkan.</p>
<p>6- Ism al-Ālat (اسْمُ الْأَلَةِ)/Kata nama alat</p> <p>Contoh : <u>هَذَا مِصْبَاحٌ</u></p>	<p>6- Kata nama alat</p> <p>Contoh : Ini pembaris.</p>
<p>7- Ism al-Maka:n (اسْمُ الْمَكَانِ)/Kata nama tempat</p> <p>Contoh : <u>الْبِلَادُ مَالِيْزِيَا</u></p>	<p>7- Kata nama tempat</p> <p>Contoh : Negara itu ialah Jepun.</p>

<p>8- Ism at-Tafdhi:l (اسم)</p> <p>(التَّفْضِيلِ)/Bandingan</p> <p>Contoh : نُورُالدِّينِ أَفْضَلُ طَالِبٍ</p>	<p>8- Kata adjektif perbandingan</p> <p>Contoh : Rahmat lebih tinggi daripada Ramli.</p>
--	--

Berdasarkan unsur-unsur dan contoh di atas, maka jelas di sini adalah bahawa terdapat persamaan di antara bahasa Arab dan bahasa Melayu yang berfungsi sebagai predikat.

### 6.1.3.2 Frasa Kerja sebagai predikat

Frasa Kerja di dalam bahasa Melayu dikenali juga dengan ayat kata kerja di dalam bahasa Arab. Frasa Kerja adalah binaan yang boleh terdiri daripada satu perkataan atau lebih dan intinya adalah kata kerja.

Berikut adalah frasa-frasa yang boleh berfungsi sebagai predikat di dalam kedua-dua bahasa berserta contohnya;

Binaan Predikat Frasa Kerja (persamaan)	
Bahasa Arab	Bahasa Melayu
1- Al-Fi'il (الفِعْلُ)/Kata Kerja dasar/asal	1- Kata Kerja dasar/asal Contoh : Ali menang.

<p>Contoh : مُحَمَّدٌ نَحَّحَ</p>	
<p>2- Fi'il al-Muzi:d (الْفِعْلُ الْمَزِيدُ) /Kata Kerja Imbuhan</p> <p>Contoh : أَحْمَدُ أَكْرَمَ الضَّيْفَ</p>	<p>2- Kata Kerja Imbuhan</p> <p>Contoh : Ahmad memuliakan tetamunya</p>
<p>3- Fi'il al-La:zim (الْفِعْلُ اللَّازِمُ) /Kata Kerja Tak Transitif</p> <p>Contoh : الطِّفْلُ نَامَ</p>	<p>3- Kata Kerja Tak Transitif</p> <p>Contoh : Mereka sedang tidur.</p>
<p>4- Fi'il al-Muta'addiyy(الْفِعْلُ الْمُتَعَدِّي) /Kata Kerja Transitif</p> <p>Contoh :</p> <p>الطَّالِبُ قَرَأَ الْكِتَابَ</p> <p>المُعَلِّمُ عَلَّمَ الطَّالِبَ عِلْمًا</p> <p>الأبُ أَرَى عُثْمَانَ قِطْعَةً مَيْتًا</p>	<p>4- Kata Kerja Transitif</p> <p>Contoh :</p> <p>Budak itu membaca buku.</p> <p>Ibu memasakkan tetamu makanan .</p>

Kata dasar dalam bidang linguistik ialah sebahagian perkataan. Bagaimanapun, istilah ini telah digunakan dengan makna-makna yang sedikit berbeza. Dalam satu penggunaan, "kata dasar" ialah bentuk yang imbuhan dapat dimasukkan .

Kata Kerja Tak Transitif di dalam bahasa Arab dikenali sebagai fi' il al-la:zim ( فِعْلٌ

اللازِمِ ) yang hanya mempunyai al-fa:'il ( الفَاعِلُ ) iaitu subjek ayat atau pelaku sahaja. Di

dalam bahasa Melayu pula dikenali dengan semua bentuk kata kerja (predikat) yang diertikan secara biasa tanpa awalan “me” dan berakhiran “kan”, dimana kata kerja ini tidak mempunyai objek ayat. Kata kerja jenis ini mempunyai ciri-ciri tersendiri dan boleh dirujuk di dalam kitab-kitab nahu.

Kata Kerja Tak Transitif di dalam bahasa Arab boleh berubah bentuk katanya kepada kata kerja transitif dengan beberapa cara berikut :

Bentuk penambahan	Sebelum penambahan	Selepas penambahan
1- Penambahan huruf hamzah ( ا ) pada awal kata kerja	عَظُمَ - agung	أَعْظَمَ - mengagungkan
2- Penambahan huruf alif ( ا ) pada kedudukan kedua daripada kata kerja	بَعُدَ - jauh	بَاعَدَ - menjauhkan

3- Digandakan dengan tasydi:d ( ) pada huruf ketiga kata kerja	فَرِحَ - gembira	فَرَّحَ - menggembirakan
4- Penambahan huruf-huruf tambahan alif, sin dan ta' ( ا، ت (س) pada awal kata kerja	خَرَجَ – keluar	اسْتَخْرَجَ – mengeluarkan
5- Diiringi dengan kata sendi (حَرْفُ الْجَرِّ أَوْ الظَّرْفُ) selepas pelaku atau subjek ayat	جَاءَ عُمَرُ - Umar telah datang	جَاءَ عُمَرُ بِكِتَابٍ – Umar telah datang dengan membawa kitab

Manakala di dalam bahasa Melayu, Kata Kerja Tak Transitif tidak memerlukan penyambut atau objek sesudahnya. Cuma ianya terbahagi kepada dua iaitu kata kerja tak transitif tak berpelengkap dan tidak berpelengkap.

Bagi Kata Kerja Transitif pula, di dalam bahasa Arab terdapat objek ayat sebagai penyambut selepas pelakunya, yang mana ia boleh menerima sebanyak 3 objek di dalam satu-satu ayat. Berlainan pula kehadiran objek di dalam bahasa Melayu, hanya dapat menerima 2 objek sahaja.

Contoh :

Kata Kerja Transitif	
أَخْبَرَ الْمُدْرِسُ التَّلْمِيذَ أَبَاهُ طَبِيئًا	Ali membelikan ayahnya sepasang kasut

Guru itu memberitahu pelajar bapanya seorang doctor	
--	--

Dalam contoh di atas, terdapat tiga perkataan (التَّالِمِيذَ، أَبَاهُ، طَبِيبًا) merupakan objek bagi kata kerja (أَخْبَرَ), manakala perkataan (ayahnya, sepasang kasut) merupakan dua objek di dalam Bahasa Melayu.

### 6.1.3.3 Frasa Sendi sebagai predikat

Predikat yang terbina dari frasa sendi di dalam bahasa Arab dikenali sebagai khabar Syibhu Jumlat (الخَبْرُ شِبْهُ الْجُمْلَةِ), yang mana khabarnya terdiri daripada susunan “ja:r majru:r” (الظَّرْفُ وَالْمَظْرُوفُ) atau “zarf mazru:f” (الظَّرْفُ وَالْمَظْرُوفُ).

Manakala di dalam bahasa Melayu frasa sendi nama merupakan satu binaan dalam ayat yang terdiri daripada satu kata sendi nama dan satu frasa nama yang boleh menjadi predikat atau pelengkap kepada kata senda nama itu.

Berikut adalah keterangan berserta contoh di dalam aspek ini :

Binaan Predikat Frasa Sendi Nama (persamaan)	
Bahasa Arab	Bahasa Melayu
1- Kata Sendi Nama + Frasa Nama	1- Kata Sendi Nama + Frasa Nama Contoh : Ibu di rumah.



<p>Contoh : <u>الْأُمُّ فِي الْبَيْتِ</u></p>	
<p>2- Kata Sendi Nama + Kata Arah + Frasa Nama</p> <p>Contoh : <u>السَّيَّارَةُ فِي وَرَاءِ الْمَخْرَزِ</u></p>	<p>2- Kata Sendi Nama + Kata Arah + Frasa Nama</p> <p>Contoh : Basikal itu di belakang bengkel.</p>
<p>3- Kata Sendi Nama + Frasa Nama + Frasa Keterangan</p> <p>Contoh :</p> <p><u>السَّائِحُ مِنَ لُنْدُنَ مَعَ أُسْرَتِهِ</u></p>	<p>3- Kata Sendi Nama + Frasa Nama + Frasa Keterangan</p> <p>Contoh : Pelancong itu dari Perancis bersama keluarganya.</p>
<p>4- Kata Sendi Nama + Kata Nama + Frasa Nama + Frasa Keterangan</p> <p>Contoh :</p> <p><u>الْمُخِيمُ فِي آخِرِ الشَّهْرِ لِبِنَاءِ الْأُخُوَّةِ</u></p>	<p>4- Kata Sendi Nama + Kata Nama + Frasa Nama + Frasa Keterangan</p> <p>Contoh : Percutian itu pada hujung bulan bagi kepentingan keluarga.</p>

Daripada penerangan dan contoh di atas, dapatlah disimpulkan di sini bahawa predikat atau pelengkap dari frasa kata sendi nama berlaku di dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu.

### 6.1.3.4 Frasa Adjektif sebagai predikat

Di dalam bahasa Arab, frasa adjektif berlaku di dalam predikat jenis mufrad ( الْخَيْرُ ( المُفْرَدُ ) sahaja sebagai pelengkap. Manakala di dalam bahasa Melayu pula, frasa adjektif adalah susunan perkataan yang terdiri daripada satu perkataan atau beberapa yang mengandungi kata adjektif atau kata sifat sebagai kata intinya.

Frasa adjektif terbahagi kepada kata adjektif selapis atau kata adjektif ganda.

Binaan Predikat Frasa Adjektif (persamaan)	
Bahasa Arab	Bahasa Melayu
Al-Sifat ( <u>الصِّفَةُ/النَّعْتُ</u> )/Frasa adjektif  Contoh :  <div style="text-align: center;"> <u>الطَّالِبُ ذَكِيٌّ</u>   <u>دَرَجَةُ</u> <u>الامْتِحَانِ</u> <u>مُمْتَازَةٌ</u> </div>	Frasa adjektif  Contoh :  Pelajar itu pandai (adjektif selapis).  Markah peperiksaan kali ini tinggi-tinggi (adjektif ganda).

Sebagaimana yang dijelaskan di atas, frasa adjektif juga dikenali sebagai frasa sifat atau kata sifat. Ia boleh terdiri daripada satu kata adjektif atau beberapa perkataan yang mengandungi kata adjektif dan unsur-unsur keterangan yang lain seperti kata bantu atau kata penguat.

Kata adjektif dapat dikenal pasti dan dibezakan daripada kata nama atau kata kerja dengan cirinya yang boleh didahului atau diikuti oleh kata penguat. Sebagai contoh ; Ali sangat pandai, hujan pagi ini amat lebat..

Disebutkan dalam contoh di atas dengan kata penguat iaitu sangat dan amat, kemudian disambung dengan kata adjektif iaitu pandai dan lebat. Begitu juga di dalam bahasa Arab, terdapat penambahan kata penguat sebelum dan juga selepas kata adjektif, seperti contoh ; أَنْتَ كَرِيمٌ جَدًّا ، هَذَا شَدِيدُ الْعِقَابِ ، iaitu kata penguat (جَدًّا/شَدِيدٌ) diletakkan sebelum dan sesudah kata adjektif.

#### 6.1.3.5 Ayat Kata Nama sebagai Predikat

Di dalam struktur binaan predikat ayat kata nama ini terdapat perbezaan antara bahasa Arab dan bahasa Melayu. Binaan ini adalah terdiri daripada subjek (frasa nama) dan predikat (gabungan antara frasa nama dan frasa adjektif).

Predikat ini juga dikenali dengan al-Khabar al-Jumlat Ismiyyat, iaitu predikat atau khabar yang terdiri daripada susunan mubtada' dan khabar, sama ada dalam bentuk al-mufrad, al-muthanna: mahupun al-jama' atau muzakkar (maskulin) mahupun al-mu'annats (feminin). Berikut adalah contoh bagi binaan predikat ini :

Bilangan	Gender	Contoh
1-Al-Mufrad/tunggal	Muzakkar/maskulin	المُعَلِّمُ سَيَّارَتُهُ جَدِيدَةٌ Guru lelaki itu keretanya baharu.
	Muannats/feminin	المُعَلِّمَةُ سَيَّارَتُهَا جَدِيدَةٌ Guru perempuan itu keretanya baharu.
2-Al-Muthanna:/dual	Muzakkar/maskulin	المُدِيرَانِ قَلَمُهُمَا جَمِيلٌ Dua orang pengetua lelaki itu pen kedua-duanya cantik.
	Muannats/feminin	المُدِيرَاتِ قَلَمُهُمَا جَمِيلٌ Dua orang pengetua perempuan itu pen kedua-duanya cantik.
3- Al-Jama'/ramai	Muzakkar/maskulin	الطَّالِبُونَ حِذَاءُهُمْ أَحْمَرٌ Pelajar-pelajar lelaki itu kasut mereka merah.
	Muannats/feminin	الطَّالِبَاتُ حِذَاءُهُنَّ أَحْمَرٌ Pelajar-pelajar perempuan itu kasut mereka merah.

Berdasarkan kepada contoh-contoh di atas, perkataan ( المُعَلِّمُ، المُعَلِّمَةُ، المُدِيرَانِ، المُدِيرَاتِ )

( الطَّالِبُونَ، الطَّالِبَاتُ ) merupakan subjek atau mubtada' kerana kedudukannya di awal

ayat. Manakala perkataan selepasnya pula adalah predikat atau khabar atau pelengkap kepada subjek. Namun jika diperhatikan predikat tersebut, terdapat gabungan yang terbina di dalamnya, iaitu gabungan tersebut adalah gabungan di antara subjek iaitu ( سَيَّارَتُهُ، سَيَّارَتُهَا، قَلَمُهُمَا، حِذَاءُهُمْ، حِذَاءُ هُنَّ ) dan juga predikat ( حَدِيدَةٌ، حَمِيلٌ، أَحْمَرٌ ) yang dikenali sebagai khabar Jumlat Ismiyyat ( خَبَرٌ جُمْلَةٌ اِسْمِيَّةٌ ). Hasil dari gabungan ini, ia membentuk satu predikat untuk subjek yang berada di awal ayat.

Perlu diperhatikan bahawa perkataan ( سَيَّارَتُهُ، سَيَّارَتُهَا، قَلَمُهُمَا، حِذَاءُهُمْ، حِذَاءُ هُنَّ ) yang menjadi subjek kepada predikat ( حَدِيدَةٌ، حَمِيلٌ، أَحْمَرٌ ) hendaklah digabungkan dengan kata ganti nama atau al-dhamir ( الضَّمِيرُ ) yang ditujukan kepada subjek yang di awal ayat iaitu ( الْمُعَلِّمُ، الْمُعَلِّمَةُ، الْمُدِيرَانِ، الْمُدِيرَتَانِ، الطَّالِبُونَ، الطَّالِبَاتُ ).

Oleh itu antara syarat dalam binaan ayat namaan sebagai predikat ini adalah adanya penghubung di antara subjek yang di awal ayat dengan predikat selepasnya dengan adanya dhamir atau kata ganti nama iaitu ( هُ، هَا، هُمَا، هُمْ، هُنَّ ). Antara lain syaratnya adalah dhamir atau kata ganti nama itu hendaklah serasi dari segi gender (maskulin dan feminin ) dan bilangan ( mufrad, muthanna dan jama' ) dengan subjek yang di awal ayat.

Setelah dikaji dengan teliti, binaan ayat namaan sebagai predikat di dalam bahasa Melayu tidak wujud bahkan hanya perkara yang telah disebutkan di atas sahaja yang terbina di dalamnya. Ini merupakan perbezaan yang berlaku di antara bahasa Arab dan juga bahasa Melayu.

#### 6.1.4 Aspek Hukum

##### 6.1.4.1 Tanda Kasus dalam Ayat Nominal

Di dalam aspek ini, struktur binaan ayat bahasa Melayu adalah berbeza dengan bahasa Arab, iaitu tidak terikat dengan tanda kasus tertentu. Hanya di dalam bahasa Arab sahaja yang menitikberatkannya dan mempunyai hukum di dalam sesuatu perkataan untuk ditandai kasus pada akhir perkataan tersebut.

Perbincangan tentang hukum mubtada' dan khabar di dalam bahasa Arab tidak terlepas dari perbincangan rangkaian kedua-duanya sebagai satu ikatan yang menerima tanda kasus raf'u (رَفْعٌ), sama ada pada perkataan ataupun dari segi kedudukannya yang raf'u (مَحَلُّ الرَّفْعِ). Rangkaian ikatan ini tidak akan terpisah dan tidak boleh dipisahkan dalam mana-mana susunan al-Jumlat al-Ismiyyat (الْجُمْلَةُ الْإِسْمِيَّةُ) atau susunan Ayat Namaan.

Al-Jumlat al-Ismiyyat dikenali sebagai Ayat Namaan atau Ayat Nominal (Nominal Sentence) ini adalah gabungan di antara mubtada' dan khabar. Manakala al-Jumlat al-Fi'liyyat (الْجُمْلَةُ الْفِعْلِيَّةُ) dikenali sebagai Ayat Kerjaan iaitu suatu binaan ayat yang dimulai dengan fi'il (الْفِعْلُ) atau masdar muawwal (الْمَصْدَرُ الْمُؤَوَّلُ).

Di dalam perbincangan tentang hukum muftada' dan khabar ini, penandaan tanda kasus raf' (عَلَامَةُ الرَّفْعِ) pada keduanya hanya berlaku di dalam bahasa Arab. Tanda kasus telah dibincangkan di dalam bab yang sebelum ini bersama khabar. Kedua-dua gabungan ini juga dikenali dengan istilah al-musnad ilaih (المُسْنَدُ إِلَيْهِ) dan al-musnad (المُسْنَدُ).

Contoh	Makna
زَيْدٌ قَائِمٌ	Zaid berdiri

Dalam contoh di atas, perkataan (زَيْدٌ) adalah berkedudukan sebagai muftada'. Muftada' sebagaimana kita ketahui termasuk kata nama atau isim yang dirofa'kan (marfu'). Kemudian dijelaskan tanda raf'nya iaitu al-dhommah (الضَّمَّةُ) bertanwin. Kedudukan perkataan (قَائِمٌ) pula adalah sebagai khabar yang dimarfu'kan dan tanda kasusnya adalah al-dhommah (الضَّمَّةُ).

Dari penerangan di atas, jelas di sini bahawa terdapat perbezaan yang nyata antara kedua-dua bahasa yang dibincangkan, iaitu dari aspek tanda kasus, yang mana muftada' dan khabar menerima tanda kasus ini di dalam binaan dan susunan Ayat Namaan berbanding di dalam bahasa Melayu. Namun begitu kedua-dua bahasa ini masih mempunyai persamaannya, iaitu binaan ayat Namaan ini masih terdiri dari subjek atau muftada dan juga predikat atau khabar.

#### 6.1.4.2 Susunan Biasa

Apabila membincangkan tentang binaan ayat atau sintaksis, kita juga sebenarnya membincangkan aspek susunan. Dari segi susunan, terdapat dua bentuk ayat iaitu biasa dan songsang. Susunan biasa diertikan sebagai binaan ayat yang mempertahankan pola ayat dasar, iaitu unsur frasa subjek mendahului frasa predikatnya.

Di dalam bahasa Arab, subjek atau muftada harus didahulukan daripada khabarnya atau predikatnya. Manakala di dalam bahasa Melayu pula, pendepanan subjek daripada predikat dikenali juga dengan ayat aktif oleh sebab kata kerjanya yang berimbuan me- (kata kerja transitif). Ia juga dikenali juga sebagai kata kerja melampau yang mana perbuatan itu terkena kepada orang lain atau benda lain.

Binaan Predikat Frasa Adjektif (persamaan)	
Bahasa Arab	Bahasa Melayu
<u>الطَّالِبُ مُجْتَهِدٌ</u>	Pelajar itu rajin

Sebelum ini ia disebut sebagai ayat bangun membuat yang bermaksud membuat sesuatu ke atas orang, benda atau perkara lain. Tiada perbezaan antara bahasa Arab dan juga bahasa Melayu di dalam susunan ayat ini.

#### 6.1.4.3 Susunan Songsang

Ayat yang mengandungi susunan songsang disebut ayat songsang atau ayat terbalik. Dalam hal ini, ayat yang terhasil tidak mengikut susunan biasa, sebaliknya menjadi predikat-subjek.



Pendepanan predikat di depan subjek berlaku apabila unsur dalam konstituen predikat itu hendak diberikan penegasan. Apabila penegasan dan penekanan hendak diberikan kepada mana-mana unsur, maka ia hendaklah didahulukan. Oleh itu susunan songsang wujud apabila unsur-unsur konstituen predikat dipindahkan ke depan subjek melalui proses pendepanan atau penjudulan.

Di dalam bahasa Arab, terkadang khabar atau predikat dapat didahulukan daripada muqtada'nya. Pendepanan khabar ini dinamakan “khabar muqaddam” (خَبَرٌ مُّقَدَّمٌ) dan muqtada'nya dikenali sebagai “muqtada muakhhkar” (مُبْتَدَأٌ مُؤَخَّرٌ).

Manakala di dalam bahasa Melayu pula, susunan songsang juga berlaku dan ia dinamakan dengan “ayat pasif” iaitu kata kerjanya ada imbuhan “di-“. Ia juga dikenali sebagai ayat bangun kena buat, iaitu terkena pada orang lain.

Hukum Binaan Subjek dan Predikat – susunan songsang (persamaan)	
Bahasa Arab	Bahasa Melayu
1- Susunan biasa (المُبْتَدَأُ - الخَبَرُ) Contoh : <u>التَّلْمِيذُ فِي الْفَصْلِ</u>	1- Susunan biasa ( subjek– predikat) Contoh : Abang di dalam bilik.
2- Susunan songsang (الخَبَرُ - المُبْتَدَأُ) Contoh : <u>فِي الْفَصْلِ تَلْمِيذٌ</u>	2- Susunan songsang (predikat-subjek) Contoh : Di dalam bilik abang.

Manakala di dalam bahasa Melayu juga berlaku pendepanan predikat daripada subjek, iaitu pendepanan konstituen dengan ayat songsang dilakukan untuk memberikan penegasan pada bahagian ayat tertentu. Yang hendak ditegaskan mungkin keseluruhan predikat atau unsur tertentu sahaja dalam konstituen predikat.

#### 6.1.4.4 Keserasian

Di dalam aspek ini, bahasa Arab amat menitikberatkan mengenai keserasian antara subjek dan predikat. Ini berbeza dengan binaan ayat bahasa Melayu yang tidak terikat dengan aspek keserasian. Oleh itu, tiada persamaan yang berlaku, bahkan hanya terdapat perbezaan antara kedua-duanya yang akan dijelaskan di bawah ini.

Telah diketahui bahawa di dalam pembahagian binaan ayat, bahasa Arab telah membahagikannya kepada 2 jenis ayat, iaitu al-Jumlat al-Ismiyyat ( الجُمْلَةُ الاسْمِيَّةُ )/Ayat Namaan dan juga al-Jumlat al-Fi'liyyat ( الجُمْلَةُ الْفِعْلِيَّةُ )/Ayat Kerjaan.

Ayat Namaan adalah mana-mana ayat yang diawali oleh subjek dari perkataan al-isim (الاسْمُ) atau al-dhami:r (الضَّمِيرُ), manakala Ayat Kerjaan pula adalah mana-mana ayat yang diawali dengan predikat dari perkataan fi'il ( الْفِعْلُ ). Di dalam pembentukan binaan kedua-dua ayat ini, perlu ditekankan di dalam aspek keserasian antara subjek dan predikatnya, atau antara musnad ilaih dan musnad.

Aspek keserasian yang ditekankan adalah dari aspek gender dan juga aspek bilangan. Aspek gender di dalam bahasa Arab terbahagi kepada dua golongan iaitu maskulin (المذَكَّرُ)

dan feminin (المؤنث), manakala dari aspek bilangan pula terbahagi kepada tiga iaitu al-mufrad (المفرد), al-dual (المثنى) dan al-jama' (الجمع). Perubahan pada kedua-dua aspek ini akan menyebabkan berlaku perubahan pada predikat atau pelakunya.

Berikut pembahagian tersebut dan perubahan yang berlaku bersama contohnya ;

Struktur Binaan Ayat Bahasa Arab (Gender)			
Ayat Namaan ( الجملة الاسمية )		Ayat Kerjaan ( الجملة الفعلية )	
Maskulin	Femilin	Maskulin	Feminin
المُعَلِّمُ مُمْتَاZٌ	المُعَلِّمَةُ مُمْتَاZَةٌ	أَكَلَ المُعَلِّمُ الخُبْزَ	أَكَلَتِ المُعَلِّمَةُ الخُبْزَ
-	المُعَاهِدُ كَثِيرَةٌ / كَثِيرَاتٌ	-	بُنِيَتْ المَصَانِعُ فِي القَرْيَةِ
المُعَلِّمُ كَتَبَ الدَّرْسَ	المُعَلِّمَةُ كَتَبَتِ الدَّرْسَ		
-	المَصَانِعُ بُنِيَتْ		

Berdasarkan contoh di atas, di dalam Ayat Namaan jika subjek itu (المُعَلِّمُ) maskulin maka predikatnya hendaklah maskulin juga sama ada ianya kata nama (مُمْتَاZٌ) atau kata kerja

(كُتِبَ). Manakala sekiranya Ayat Namaan itu bermula dengan subjek feminin (المُعَلِّمَةُ) , maka predikatnya juga feminin (مُمْتَازَةٌ/كُتِبَتْ) dan sekiranya subjek itu jama' al-taksi:r ghair al-a:'qil – bilangan banyak tidak berakal- seperti (المُعَاهِدُ), maka predikatnya (كَثِيرَةٌ/بُنِيَتْ) juga adalah feminin.

Di dalam bentuk Ayat Kerjaan pula, sekiranya pelaku adalah maskulin (المُعَلِّمُ) maka kata kerjanya juga maskulin (أَكَلَ) dan juga sebaliknya jika pelaku adalah feminin (المُعَلِّمَةُ) atau jama' al-taksi:r ghair al-a:'qil seperti (المَصَانِعُ) maka kata kerjanya juga feminin (أَكَلَتْ/بُنِيَتْ) dengan penambahan ta' (التَّاءُ) feminin di akhir kata kerjanya.

Maka hasil dari pemerhatian di atas, perlulah ada keserasian di antara subjek dan predikat atau di antara musnad ilaih dan juga musnadnya sama ada dalam binaan Ayat Namaan atau Ayat Kerjaan.

Dari aspek bilangan pula, struktur binaan ayat di dalam bahasa Arab menitikberatkan keserasian antara mubtada' dan khabarnya dalam bentuk Ayat Namaan. Manakala dalam Ayat Kerjaan pula kata kerjanya tetap tunggal (المُفْرَدُ) walaupun pelaku tunggal, dual ataupun ramai.

Struktur Binaan Ayat Bahasa Arab (Bilangan)		
Aspek Bilangan	Ayat Namaan (الجُمْلَةُ الاسْمِيَّةُ)	Ayat Kerjaan (الجُمْلَةُ الفِعْلِيَّةُ)

1- Al-Mufrad/Tunggal (المُفْرَدُ)	زَيْدٌ ذَهَبَ، فَاطِمَةٌ ذَهَبَتْ	قَامَ زَيْدٌ، قَامَتُ فَاطِمَةٌ
2- Al-Muthanna/Dual (المُثَنَّى)	زَيْدَانِ ذَهَبَا، فَاطِمَتَانِ ذَهَبَتَا	قَامَ زَيْدَانِ، قَامَتُ فَاطِمَتَانِ
3- Al-Jama'/Ramai (الْجَمْعُ)	زَيْدُونَ ذَهَبُوا، فَاطِمَاتُ ذَهَبْنَ	قَامَ زَيْدُونَ، قَامَتُ فَاطِمَاتُ

Perubahan dari aspek keserasian (gender dan bilangan ) antara subjek dan predikat atau musnad ilaih dan musnad di atas tidak berlaku di dalam struktur binaan bahasa Melayu sebagaimana di dalam contoh yang disebutkan sebelum ini dan ia adalah berlainan dari struktur binaan ayat bahasa Arab.

#### 6.1.4.5 Pengguguran Subjek

Proses pengguguran ialah satu proses transformasi yang berlaku pada struktur ayat yang mengakibatkan pengguguran unsur-unsur tertentu daripada binaan ayat itu, dan dengan hal demikian pada peringkat struktur permukaan, unsur yang digugurkan itu tidak lagi wujud.

Di dalam bahasa Arab, muftada' atau subjek boleh dibuang dan digugurkan dalam keadaan harus dan juga wajib. Terdapat beberapa unsur yang mempengaruhi pengguguran muftada' ini yang akan dihuraikan di bawah. Manakala di dalam bahasa Melayu, pengguguran subjek juga berlaku dan tiada hukum yang menyatakan ianya harus ataupun wajib.

Maka di sini dapat difahami bahawa terdapat persamaan di dalam pengguguran subjek yang berlaku di dalam kedua-dua bahasa berdasarkan sebab-sebab tertentu yang mengakibatkan gugurnya subjek.

Berikut adalah pengguguran subjek atau muftada' yang berlaku di dalam bahasa Arab;

- a- **Harus** - Keharusan pengguguran muftada' boleh berlaku sekiranya memang dapat difaham kerana adanya unsur yang menunjukkannya. Seperti ketika menjawab jawapan al-istifha:m atau kata tanya.

Contoh	Makna
كَيْفَ حَالُكَ؟ (حَالِي) بِخَيْرٍ	Apa khabar kamu? (keadaan saya ) baik.
مَنْ بِجَانِبِكَ؟ (هُوَ) أَخِي	Siapa di sebelah kamu? (dia ) adikku.

Perkataan (بِخَيْرٍ) dan (أَخِي) di atas berkedudukan sebagai predikat atau khabar bagi muftada (هُوَ/حَالِي) yang dibuang kerana tanpanya pun sudah cukup difahami.

- b- **Wajib** – muftada' atau subjek wajib dibuang dan digugurkan dengan empat perkara, iaitu;

- i- Apabila ditunjukkan dengan jawab al-Qasam (ayat sumpah)

Contoh	Makna
فِي ذِمَّتِي (عَهْدًا) لِأَذْهَبَنَّ	Dalam tanggunganku (ada janji), pasti aku akan betul-betul pergi.

Kata (عَهْدًا) menjadi muftada' atau subjek kepada khabar (فِي ذِمَّتِي) dan ia dibuang kerana ditunjukkan oleh La:m al-Ibtida:' (لَ) pada kata kerja (أَذْهَبَنَّ).

ii- Apabila khabarnya terdiri daripada masdar mu'awwal (مَصْدَرٌ مُؤَوَّلٌ).

Contoh	Makna
(مَوْقِفْنَا) صَبْرٌ جَمِيلٌ	(Sikap kami) Kesabaran yang baik.

Perkataan (مَوْقِفْنَا) adalah muftada' yang dibuang kerana khabarnya terdiri daripada masdar mu'awwal (صَبْرٌ).

iii- Apabila khabarnya dikhaskan untuk pujian (الْمَدْحُ) atau kejian (الدَّمُّ).

Contoh	Makna
نَعَمَ الْإِنْسَانُ (هُوَ) مُحَمَّدٌ	Sebetuah-tuah manusia (dia) Muhammad.
بئسَ الْإِنْسَانُ (هُوَ) أَبُو لَهَبٍ	Secelaka-celaka manusia (dia) Abu Lahab.

Perkataan (هُوَ) adalah mubtada yang digugurkan dan di dalam contoh juga disebutkan khabarnya (مُحَمَّدٌ/أَبُو لَهَبٍ).

iv- Apabila al-na'tu (الْمَنْعُوتُ) iaitu adjektif dipisahkan dari al-man'u:tnya (الْمَنْعُوتُ).

Contoh	Makna
أَحْسِنَ إِلَى رَجُلٍ (هُوَ) الْمِسْكِينِ	Berbuat baiklah kepada ( dia ) orang miskin.

Oleh kerana perkataan (الْمِسْكِينِ) itu ma'rifat, maka khabarnya (هُوَ) dibuang. Tetapi sekiranya perkataan (مِسْكِينٍ) itu am atau nakirat, maka ia menjadi sifat atau na'at kepada (رَجُلٍ).



Dalam bahasa Melayu berlaku pengguguran frasa nama yang menjadi subjek, iaitu yang terdiri daripada dua jenis ;

- a- Pengguguran frasa nama sebagai kata ganti nama diri orang kedua dalam ayat perintah.

Contoh : Kamu keluar / Engkau makanlah dulu – Keluar! / Makanlah dulu

Dalam ayat di atas, kata ganti nama diri orang kedua yang berfungsi sebagai subjek selalunya digugurkan.

- b- Pengguguran subjek yang serupa dalam ayat majmuk iaitu jika terdapat beberapa frasa nama sebagai subjek yang serupa atau beridentiti sama, maka subjek frasa nama boleh digugurkan kecuali frasa nama yang di awal ayat majmuk tersebut.

Contoh : Dia sangat pandai kerana dia rajin belajar – Dia sangat pandai kerana rajin belajar.

#### **6.1.4.6 Pengguguran Predikat**

Di dalam bahasa Arab, khabar atau predikat juga boleh dibuang dan digugurkan dalam keadaan harus dan juga wajib. Terdapat beberapa unsur yang mempengaruhi pengguguran khabar. Manakala di dalam bahasa Melayu, pengguguran predikat juga berlaku dan tiada hukum yang menyatakan ianya harus ataupun wajib.

Berikut adalah pengguguran khabar atau predikat yang berlaku di dalam bahasa Arab;

- a- **Harus** - Keharusan pengguguran jika ada yang menunjukkan akan perkara tersebut, seperti jawapan al-istifha:m atau berada sesudah idzan fuja:iyyat ( إِذَا الْفُجَائِيَّةُ ) yang bermaksud “tiba-tiba”.

Contoh	Makna
مَنْ مُجْتَهِدٌ؟ سَعِيدٌ (مُجْتَهِدٌ)	Siapakah yang rajin? Said (yang rajin).
خَرَجْتُ إِذَا الرَّجُلُ (يَقُومُ)	Saya keluar, tiba-tiba ada orang itu (berdiri).

Perkataan (مُجْتَهِدٌ/يَقُومُ) adalah khabar yang digugurkan dengan ada unsur yang menunjukkan ia ada di dalam ayat tersebut, manakala (الرَّجُلُ/سَعِيدٌ) adalah mubtada’.

- b- **Wajib** – pengguguran khabar dalam bahasa Arab menjadi wajib dengan unsur-unsur di bawah ;
- i- Apabila menunjukkan sifat yang muthlaq atau keadaan umum. Ini terdapat dalam dua tempat iaitu yang berkaitan dengan zarf ( الظَّرْفُ ) dan jarr wa majru:r ( الْجَرُّ وَالْمَجْرُورُ ); dan berada dalam lafaz (كَأَنَّ/ مَوْجُودَةٌ) dan lawma (لَوْمًا) atau lawla (لَوْلَا).

Contoh	Makna
الْجَنَّةُ (مَوْجُودَةٌ) تَحْتَ أَقْدَامِ الْأُمَّهَاتِ	Syurga itu (ada) di bawah tapak kaki ibu.
الْعِلْمُ (كَائِنٌ) فِي الصُّدُورِ لَا فِي السُّطُورِ	Ilmu itu (berada) di dalam hati bukan di dalam tulisan.
لَوْلَا الدِّينُ (مَوْجُودٌ) لَضَلَّ النَّاسُ	Sendainya tiada agama (ada) nescaya semua manusia akan sesat.
لَوْلَا الْكِتَابَةُ (مَوْجُودَةٌ) لَضَاعَ الْعِلْمُ	Sendainya tidak tulisan (ada) pasti ilmu akan hilang.

Maka perkataan (مَوْجُودَةٌ/كَائِنٌ) adalah khabar yang digugurkan dan muftada'nya disebutkan (الْجَنَّةُ / الْعِلْمُ / الدِّينُ / الْكِتَابَةُ).

ii- Apabila khabar muftada' yang menjelaskan al-qasam (الْقَسَمُ) iaitu sumpah.

Contoh	Makna
وَاللَّهِ لِأَجْتَهِدَنَّ (قَسَمِي)	Demi Allah, aku bersungguh-sungguh (adalah sumpahku)

Khabar (قَسَمِي) adalah digugurkan dan muftada'nya adalah (وَاللَّهِ لِأَجْتَهِدَنَّ).

- iii- Apabila muftada'nya terdiri daripada masdar dan sesudahnya terdapat kata yang menjadi hal dan tidak sesuai menjadi khabar.

Contoh	Makna
تَأْدِيْبِي الْعُلَامَ (حَاصِل) مُسِيئًا	Didikanku terhadap anak itu (menghasilkan) hasil yang buruk.

- iv- Apabila terletak setelah wa:w al-ma'i:yyah ( وَآوُ الْمَعِيَّةِ ), iaitu yang bermaksud "berserta".

Contoh	Makna
كُلُّ أَمْرٍ وَمَا فَعَلَ (مُقْتَرِنَانِ)	Setiap perkara itu (berserta) apa yang dia lakukan (selalu bersamaan).

Khabar (مُقْتَرِنَانِ) digugurkan setelah didahului dengan wa:w al-ma'i:yyah sebelumnya

(و).

Dalam bahasa Melayu juga berlaku pengguguran predikat sebagaimana di dalam bahasa Arab. Terdapat frasa predikat atau bahagian-bahagian yang digugurkan, iaitu ;

- i- Pengguguran seluruh frasa predikat yang terdiri daripada;

Frasa predikat digugurkan	Contoh
1- Frasa kerja yang serupa	Ali belajar di England. Adiknya belajar di England – Ali dan adiknya belajar di England.
2- Frasa nama yang serupa	Kebersihan amalan kita. Kesopanan amalan kita – Kebersihan dan kesopanan amalan kita.
3- Frasa adjektif yang serupa	Adik sangat rajin. Abang sangat rajin – Adik dan abang sangat rajin.
4- Frasa sendi nama yang serupa	Dia masih di kampung. Isterinya masih di kampung – Dia dan isterinya masih di kampung.

ii- Pengguguran bahagian-bahagian frasa predikat, iaitu beberapa bahagian daripada frasa predikat juga boleh mengalami proses pengguguran.

Antaranya :

Bahagian frasa predikat digugurkan	Contoh
1- Oleh + frasa nama dalam ayat pasif	Dia dipukul oleh abangnya – Dia dipukul.
2- Pengguguran kata bantu yang serupa	Dia boleh menyanyi. Dia boleh menari – Dia boleh menyanyi dan menari.
3- Pengguguran frasa nama sebagai	Daud memukul penjahat itu. Daud

objek yang serupa	menumbuk penjahat itu – Daud memukul dan menumbuk penjahat itu.
4- Pengguguran frasa nama sebagai frasa objek kata kerja yang membawa makna adjektif	Kejadian itu amat menyedihkan (saya) – Kejadian itu amat menyedihkan.

Hasil dari penerangan dan huraian di atas, maka dapatlah disimpulkan bahawa dalam pengguguran predikat sebenarnya berlaku di dalam kedua-dua bahasa tersebut. Cuma yang membezakannya adalah dari aspek unsur-unsur yang mempengaruhi pengguguran predikat tersebut di dalam sesuatu struktur binaan ayatnya.

#### 6.1.4.7 Predikat Berbilang

Di dalam bahasa Arab, khabar boleh berbilang atau lebih daripada satu dan muftada'nya masih satu sahaja sama ada khabar jenis al-mufrad, al-jumlat atau syibhu al-jumlat ataupun bercampur-campur.

Contoh	Makna
1- Khabar semuanya muftad <u>وَهُوَ الْعَفُورُ الْوَدُودُ ذُو الْعَرْشِ الْمَجِيدِ فَعَالٌ لِّمَا يُرِيدُ</u>	Dia Pengampun lagi Penyayang, yang mempunyai a'rasy yang mulia, yang membuat apa yang dikehendakiNya.
2- Khabar terdiri daripada dua ayat namaan	Musim panas waktu siang nya panjang waktu malam nya singkat.

<p style="text-align: center;"><u>الصَّيْفُ نَهَارُهُ طَوِيلٌ لَيْلُهُ قَصِيرٌ</u></p>	
<p>3- Khabar terdiri daripada dua ayat kerjaan</p> <p style="text-align: center;"><u>الطِّفْلُ يَأْكُلُ الخُبْزَ يَشْرَبُ الحَلِيبَ</u></p>	<p>Budak itu makan roti minum susu.</p>
<p>4- Khabar terdiri daripada 2 syibhu al-jumlat</p> <p style="text-align: center;"><u>الكِتَابُ أَمَامَكَ قُرْبَكَ</u></p>	<p>Buku itu di depanmu berhampiranmu.</p>
<p>5- Khabar bercampur al-fi'il dan al-ism</p> <p style="text-align: center;"><u>هَذَا طَائِرٌ يُعْرَدُ</u></p>	<p>Ini adalah burung berkicau.</p>

Di dalam contoh di atas, terdapat khabar yang berbilang, iaitu (العُفُورُ) adalah khabar pertama, (الودودُ) khabar kedua, (ذُو العَرْشِ) khabar ketiga, (المَجِيدُ) khabar keempat dan (فَعَالٌ) khabar kelima di samping muftada' masih satu iaitu (هُوَ).

Perkataan (نَهَارُهُ طَوِيلٌ لَيْلُهُ قَصِيرٌ) merupakan khabar jumlat ismi'yyat kepada muftada' (الصَّيْفُ), manakala (يَأْكُلُ الخُبْزَ يَشْرَبُ الحَلِيبَ) khabar jumlat fi'liyyat kepada muftada' (الطِّفْلُ), zarf (أَمَامَكَ قُرْبَكَ) adalah khabar syibhu al-jumlat dan perkataan (الكِتَابُ)

adalah mubtada'. Contoh berikutnya pula adalah gabungan antara (طَائِرٌ) dan (يُعَرِّدُ) dan mubtada'nya (هَذَا).

Manakala di dalam bahasa Melayu pula juga disebutkan predikat yang terdiri daripada lebih satu perkataan sebagaimana subjeknya.

Contoh :

Subjek	Predikat
Guru itu	pandai, cerdik, tabah dan berkarisma

#### 6.1.4.8 Subjek Kata Nama Am

Bahagian ini telah diterangkan di dalam huraian di atas, iaitu berkaitan tentang kata nama am boleh dijadikan subjek. Namun di dalam bahasa Arab terdapat beberapa syarat tertentu untuk menjadikan setiap kata am atau al-nakirat (النَّكِرَةُ) itu menjadi al-ma'rifaṭ (المَعْرِفَةُ) agar dapat berfungsi sebagai subjek.

## 6.2 Kesimpulan

Hasil pembahasan dan penghuraian di atas, dapat ditemukan bahawa dari segi bentuk, perkataan bahasa Arab dan perkataan bahasa Melayu memiliki persamaan, khususnya dari kedudukan struktur Subjek-Predikat atau Predikat-Subjek atau dikenali sebagai musnad ilaih (المُسْنَدُ إِلَيْهِ) dan musnad (المُسْنَدُ).



Adapun dari segi makna, perkataan bahasa Arab dan bahasa Melayu menampakkan kesamaan, iaitu terdapat kata pernyataan, kata tanya, kata perintah, kata seru, dan sebagainya. Dari aspek perbezaan yang berlaku pula hanya dari segi kata dan frasa pembentuknya, khususnya juga dari aspek gender, bilangan, tensis, dan I'rab, yang tidak dimiliki oleh bahasa Melayu.

Dapatlah disimpulkan di sini bahawa di antara bahasa Arab dan bahasa Melayu terdapat beberapa aspek persamaan di dalam struktur binaan ayatnya. Di samping itu juga terdapat beberapa aspek perbezaan yang tidak boleh disamakan antara kedua-duanya, bahkan terdapat syarat-syarat tertentu yang perlu dipenuhi untuk menjadikan binaan ayat tersebut sempurna.

Maka kajian kontrastif ini memiliki implikasi langsung di dalam proses pengajaran guru dan pembelajaran murid, seterusnya memberikan impak dan kesan yang berguna terhadap pengajaran sintaksis dan pemahaman pelajar dalam memahami struktur bahasa Arab ketika mempelajarinya di samping dapat membandingkannya dengan struktur bahasa Melayu. Ini sudah pasti akan menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran mereka lebih menarik dan dapat memudahkan lagi dalam konsep terjemahan bahasa Arab-Melayu-Arab.